

26/01/2000

Tender: Negara maju sering guna pengaruh

Badrila Jamlus

DAKWAAN bahawa kuasa besar menggunakan pengaruhnya untuk memastikan negara asing memberi kontrak kepada syarikat negaranya memang ada kedengaran, kata bekas Timbalan Ketua Pengarah 1, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida), Datuk J Jegathesan.

Beliau berkata, pemberian sesuatu tender lazimnya cuba dipengaruhi negara-negara kuasa besar dan maju.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin berhubung tekanan Amerika Syarikat (AS) kepada negara asing dalam pemberian sesuatu kontrak.

Abdullah berkata, beberapa pemimpin negara asing pernah mengadu menerima tekanan daripada AS supaya memberi kontrak tertentu yang biasanya lumayan, kepada syarikat dari negara itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan Washington itu bukan perkara baru, malah pernah disuarakan pemimpin beberapa negara lain kepada Malaysia sebelum ini.

Abdullah mengulas laporan kajian Gallup International Association - sebuah badan pungutan suara antarabangsa bahawa Washington sering menggunakan status kuasa besarnya untuk memaksa kerajaan asing memberi kontrak lumayan kepada syarikat Amerika.

Jegathesan yang kini bertugas sebagai perunding kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pembangunan dan Perdagangan (UNCTAD) berkata, terdapat dua perkara yang mempengaruhi kejayaan sesebuah syarikat atau negara luar mendapatkan kontrak di negara asing iaitu pelaburan oleh sektor swasta dan penawaran tender terbuka oleh kerajaan negara itu.

Pelaburan sektor swasta di negara asing, seperti pembinaan kilang selalunya tidak menghadapi banyak masalah berbanding usaha mendapatkan sesuatu tender.

Antara tender oleh sesebuah negara atau kerajaan yang sering menjadi rebutan negara-negara asing ialah projek dalam sektor tenaga, telekomunikasi dan pembinaan empangan.

"Tender untuk projek ini akan menjadi rebutan dan masing-masing akan mengemukakan tender yang berlainan dengan menyelitkan beberapa tawaran menarik kepada kerajaan berkenaan termasuk menggunakan pengaruh masing-masing," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

"Kebanyakan daripada negara membangun misalnya, tidak berani mengeluarkan sebarang kenyataan mengenai sesuatu perkara atau isu yang dibincangkan di peringkat antarabangsa.

"Ini kerana negara terbabit mungkin terikat dengan sesuatu perjanjian atau syarat yang dikenakan melalui pemberian tender atau geran termasuk pemberian pinjaman di bawah Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) atau Bank Dunia.

"Banyak negara yang tidak gembira dengan syarat dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tetapi mereka tidak dapat bersuara kerana bimbang akan diberi tekanan atau menghadapi masalah kemudiannya," katanya.

Selain itu, tidak dinafikan negara yang memiliki kuasa besar mempunyai kelebihan dalam mempengaruhi keputusan sesebuah negara berkenaan dalam penerimaan tender yang ditawarkan.

Bagaimanapun, Jegathesan berkata, Malaysia sentiasa berusaha mewujudkan situasi `sama-sama menang' dalam mendapatkan sesuatu projek atau tender dari negara asing.

Ketika ditanya mengenai pelaburan Malaysia di Afrika beliau berkata:

"Malaysia mendapat pujian dan diterima baik di Afrika sekali gus memberi peluang kepada pelabur negara ini membuat pelaburan besar. Reputasi baik yang dibawa oleh kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak membantu syarikat dari negara ini," katanya.

(END)